

03 APRIL 2018

Modul kerohanian tangani kadar pengulangan jenayah

Modul kerohanian tangani kadar pengulangan jenayah

MELAKA - Jabatan Penjara Malaysia kini fokus untuk memantapkan modul kerohanian mengikut kepercayaan agama banduan bagi menangani kadar pengulangan jenayah, terutama dalam kalangan pesalah dadah setelah mereka bebas.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Penjara Malaysia, Datuk Jamaludin Saad berkata, kini jabatan itu sedang memperhalusi modul agama Kristian, Hindu dan lain-lain dengan kerjasama institusi-institusi agama.

Katanya, Sabah dan Sarawak turut menjadi perintis bagi pelaksanaan Modul Kerohanian Agama Kristian yang mula dilaksanakan tiga tahun lalu dengan mengambil kira jumlah penganut pesalah di negeri berkenaan.

“Pendekatan modul kerohanian ini merupakan salah satu langkah terbaik untuk mengekalkan perubahan sikap positif pesalah selepas

dibebaskan daripada penjara.

“Selain modul kerohanian agama Islam yang telah lama kita laksanakan, kita telah mengadakan perbincangan dengan institusi-institusi agama termasuk ahli agama Hindu Sangam untuk membina modul agama Hindu dan memperhalusi modul agama Kristian sedia ada,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Penyampaian Watikah Pelantikan Lembaga Pelawat Sekolah Henry Gurney di Penjara Sungai Udang di sini semalam.

Pada majlis itu, seramai 233 pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara Malaysia Zon Selatan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 manakala seramai 13 individu turut dilantik menjadi ahli jawatankuasa Lembaga Pelawat Sekolah Henry Gurney.